

## Tribunal tuntutan pengguna, 262 kes penipuan atas talian babitkan tuntutan RM1.7 juta

September 24, 2019



**PUTRAJAYA** - Dalam perkembangan sama, orang ramai diminta terus memfailkan sebarang kes penipuan membabitkan pengguna kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) terutama apabila Akta Perlindungan Pengguna 1999 Pindaan 2019 berkuatkuasa 1 Oktober depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Muez Abd Aziz berkata, penguatkuasaan akta itu akan meningkatkan perlindungan kepada pengguna di samping mendidik peniaga supaya lebih beretika.

Dari tahun 2000 hingga 31 Ogos lepas, TTPM merekodkan hampir 113 ribu pemfailan kes dengan jumlah tuntutan keseluruhan hampir RM300 juta ringgit.

Sejak Januari hingga Ogos lalu, penipuan atas talian merupakan kes tertinggi yang difailkan iaitu 262 kes meliputi RM1.7 juta nilai tuntutan.

777 ribu nilai keputusan sudah diselesaikan.

Datuk Muez berkata demikian di Putrajaya.